



SIARAN MEDIA

MEMPERKASA BAHASA MELAYU DALAM PENULISAN DAN PENERBITAN ILMIAH SAINTIFIK

PORT DICKSON, 6 Ogos 2024 – Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) adalah antara pemboleh daya yang mampu memacu pertumbuhan ekonomi serta menangani isu dan cabaran negara. Bagi membina kapasiti dan profesionalisme dalam bidang ini terutamanya dalam penerbitan saintifik, Agensi Nuklear Malaysia telah menjemput 13 orang pakar dalam bidang penulisan dan penerbitan saintifik untuk melatih para peserta bagi meningkatkan mutu dan produktiviti hasil karya penulisan dan penerbitan saintifik.

Seminar dan Bengkel Penulisan & Penerbitan Saintifik yang dianjurkan pada 6 hingga 8 Ogos 2024 ini memberi pendedahan dalam pelbagai aspek penulisan dan penerbitan termasuk hak cipta, undang-undang, cabaran, peranan dan masa depan penerbitan saintifik dalam bidang sains, teknologi dan inovasi. Dalam seminar ini turut diadakan bengkel dan pertandingan penulisan rencana popular untuk memberi motivasi dan inspirasi kepada para peserta dalam bidang ini.

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam ucapannya berkata, “kerjasama strategik di antara DBP dan Nuklear Malaysia sejak 2013 hingga kini telah membawa terhasilnya banyak penerbitan buku, artikel, glosari dan ensiklopedia dalam bidang sains nuklear dalam Bahasa Melayu. Dalam usaha kita hendak memastikan karya atau makalah yang diterbitkan mempunyai kredibiliti dan bermutu tinggi, selain bakat diri, perlu ada latihan dan bimbingan yang betul serta proses penyuntingan yang ketat hendaklah dilaksanakan.

Ujarnya lagi, sebagai usaha yang berterusan, kolaborasi di antara kerajaan, industri, ahli akademik dan masyarakat untuk menerbitkan hasil karya masing-masing perlulah digalakkan bagi melengkapi fungsi dan misi masing-masing, di samping dapat

UNTUK SIARAN SEGERA

mengekalkan ilmu-ilmu tersebut sebagai khazanah penting negara yang tidak ternilai harganya.

"Memperkasakan Penulisan Saintifik Memacu Masyarakat Madani" dipilih sebagai tema bersesuaian dengan usaha kerajaan untuk membina sebuah masyarakat madani untuk mentransformasi Malaysia menjadi negara yang lebih makmur dan maju berasaskan ilmu pengetahuan dan kearifan tempatan. Penghayatan ilmu dan penguasaan kemahiran pemikiran aras tinggi dalam kalangan individu boleh menjadi pemangkin ke arah pembentukan masyarakat madani yang maju, berkat dan sejahtera dalam mengangkat martabat ummah.

Sebagai sebuah agensi yang mempunyai kepakaran dalam teknologi nuklear, Nuklear Malaysia bertanggungjawab untuk mengurus ilmu pengetahuan hasil daripada aktiviti penyelidikan dengan baik bagi memastikan kelestarian pengetahuan nuklear dan menjadi rujukan kepada generasi pelapis, universiti, para penyelidik dan orang awam. Nuklear Malaysia juga amat menitikberatkan aktiviti penerbitan dalam kalangan pegawai penyelidik, malah, penerbitan saintifik seperti kertas kerja, jurnal akademik dan buku ilmiah adalah beberapa hasil penyelidikan agensi yang sentiasa dihasilkan.

Dalam usaha merakyatkan sains, hasil kajian yang diperolehi daripada penyelidikan perlu disebarluaskan dan diuar-uarkan kepada masyarakat agar ia dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Ini selaras dalam konteks pelaksanaan Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) 2030 dengan tema Nuklear Untuk Rakyat (N.U.R). Nuklear Malaysia turut mencatat pencapaian sebanyak 603 buah penerbitan bagi tahun 2023 merangkumi jurnal, artikel, buku dan lain-lain.

Program Seminar dan Bengkel Penulisan dan Penerbitan Saintifik kali ke-14 ini telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Ruziah binti Shafei, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains), MOSTI dengan kerjasama Dewan Bahasa & Pustaka (DBP) serta disokong oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), PTS Media Group (PTS), Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA), Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN) dan Majalahsains.com.

Mengenai Agensi Nuklear Malaysia

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang berperanan sebagai agensi peneraju bagi mempromosi dan melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sains dan teknologi (S&T) nuklear di Malaysia. Aktiviti R&D yang dilaksanakan melibatkan beberapa bidang utama termasuklah industri, perubatan, makanan dan pertanian, air dan sumber asli, alam sekitar, tenaga, serta keselamatan, sekuriti dan kawal selianuklear.

Hasil R&D yang berpotensi turut diketengahkan ke pasaran untuk memanfaatkan penemuan inovasi saintifik kepada rakyat dan ekonomi negara. Bersandarkan kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang S&T nuklear, infrastruktur dan kemudahan penyelidikan yang lengkap, serta disiplin tenaga kerja yang profesional, Nuklear Malaysia sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelbagai rakan kerjasama strategik, pelanggan, dan masyarakat keseluruhannya.

Untuk pertanyaan: Sila layari www.nuclearmalaysia.gov.my atau hubungi Nazlia Naim, Unit Komunikasi Korporat, Agensi Nuklear Malaysia di talian 012-7526676.